

Kerajaan Tidak Perdayakan Rakyat Untuk Laksanakan BR1M, Kata Rais Bernama
7 Januari , 2012

KOTA KINABALU, 7 Jan (Bernama) -- Kerajaan tidak pernah memperdayakan rakyat dalam melaksanakan apa juga program bantuan termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), kata Menteri Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Sambil menolak dakwaan pihak tertentu kononnya kerajaan meminjam daripada Bank Dunia bagi membiayai program BR1M, Rais berkata kerajaan menambat hati rakyat secara ikhlas dan secara benar.

"Sebagai seorang anggota kabinet Persekutuan yang agak lama berkhidmat... janganlah menuduh tanpa asas. Ini tidak baik untuk negara kita, nanti kita digelar sebagai orang politik yang berbohong.

"Sekiranya pihak pembangkang meneruskan gelagat menipu... terserah kepada mereka. Kami tidak akan terpedaya dan kami tidak akan memperdaya rakyat, yang kita beri khidmat dengan amat baik dan setia," katanya kepada pemberita selepas melawat ke Kompleks Bersepadu Kementerian Penerangan Sabah di Kepayan, dekat sini.

Rais berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa kerajaan mampu melaksanakan program BR1M berikutan kekuatan ekonomi dalaman negara yang menjana hasil memberangsangkan.

Najib berkata kerajaan tidak meminjam daripada Bank Dunia bagi membiayai program berkenaan kerana Malaysia mempunyai kekuatan ekonomi dalaman berikutan pentadbiran yang cekap sehingga berjaya meningkatkan hasil negara sebanyak RM22 bilion tahun lepas berbanding tahun sebelumnya

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638568>